

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
(SEPANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 01.12.2015

Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) mengapakah George Kent (M) Bhd. (usaha sama dengan MRCB) diberi kontrak kerja-kerja PDP (*project delivery partner*) bagi pembinaan LRT Lembah Klang Line 3 LRT 3) selepas kontroversi syarikat tersebut dalam isu pembinaan LRT Ampang dan ketiadaan pengalaman pembinaan LRT dan pengalaman teknikal; dan

(b) adakah projek ini juga akan mengalami kelewatan sepertimana yang dinyatakan oleh Pengerusi George Kent (M) Sdn. Bhd. pada 30 Jun 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Untuk makluman Yang Berhormat, Usahasama MRCB-George Kent adalah antara tujuh pembida yang disenarai pendek bagi menyertai tender terhad sebagai Rakan Penyampaian Projek atau "*Project Delivery Partner*" (PDP) untuk projek LRT3.

Sebelum tender terhad tersebut dijalankan, satu proses pra-kelayakan secara terbuka telah diadakan pada November 2014. Proses pra-kelayakan tersebut menarik penyertaan 11 pembida.

Bidaan yang dijalankan menerusi tender terhad tersebut melibatkan penilaian yang ketat di pelbagai peringkat.

Penilaian terperinci diberi kepada aspek keperluan teknikal, pengurusan projek, guna tenaga, pelan insentif, serta pengalaman pembida.

Di bawah aspek keperluan teknikal misalannya, para pembida dinilai

berdasarkan reka bentuk konsep bagi stesen, pusat kawalan operasi dan sistem semboyan, selain menyediakan rangka kerja penilaian analisis kos kitaran hayat.

Ini untuk membolehkan pembida mempamerkan kefahaman mereka, menilai dan membangunkan cadangan reka bentuk dengan pertimbangan kos kitaran hayat.

Ingin dimaklumkan bahawa bukan semua tujuh (7) pembida tersebut, termasuk mereka yang mempunyai pengalaman luas dalam industri pembinaan, memenuhi penilaian ketat terbabit.

Untuk makluman Yang Berhormat, selain diiktiraf sebagai salah satu daripada pemaju hartanah perumahan, komersial dan perindustrian terbesar di negara ini, syarikat MRCB turut terlibat dalam pembinaan sebahagian jajaran sambungan LRT Laluan Ampang yang hampir siap.

Begitu juga dengan syarikat George Kent secara usahasama dengan syarikat Lion Pacific, kini sedang menyiapkan kerja-kerja sistem

(*system works*) termasuk sistem semboyan untuk jajaran sambungan LRT Laluan Ampang.

b) Projek LRT3 dijangka siap pada 31 Ogos 2020, manakala jajaran sambungan LRT Laluan Ampang akan dibuka secara berperingkat mulai penghujung Oktober 2015.

Jajaran sambungan LRT Laluan Ampang dijangka siap sepenuhnya pada Mac 2016, seperti yang dijadualkan.